

BERITA ONLINE
SINAR HARIAN

TARIKH: 06 DISEMBER 2022 (SELASA)



Minggu Sains Negara tarik 1.88 juta pelajar dan belia di Malaysia

Oleh HAMIZAH BASIR 06 Disember 2022 10:00am Masa membaca: 3 minit



Golongan pelajar menunjukkan bakat dalam permainan robotik pada Minggu Sains Negara 2022.

SHAH ALAM - Minggu Sains Negara (MSN) 2022 berjaya menarik 1.88 juta penglibatan pelajar dan belia berusia tujuh hingga 30 tahun menerusi pelbagai program-program sains, teknologi dan inovasi (STI).

Program anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang dilaksanakan mulai April hingga Oktober lalu telah menganjurkan sebanyak 212 program berteraskan pembudayaan STI.

Kesemua program berlangsung secara dalam talian itu melibatkan bidang kesihatan planet, kimia dan bioteknologi, kegunaan aman nuklear, inovasi sosial, kejuruteraan, nanoteknologi dan angkasa.



Pendedahan dan pembudayaan STI diharap mampu menarik minat golongan muda dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau STEM.

Dengan tema 'Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi', program perdana MOSTI ini bertujuan menarik serta memupuk minat generasi muda terhadap STI, seterusnya menjadikan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) sebagai pilihan kerjaya masa hadapan.

Antara program yang dijalankan ialah pertandingan, seminar, ceramah, kuiz, pameran maya, bengkel maya, pertandingan membuat video serta pelbagai lagi.

Selain itu, MOSTI turut mengiktiraf sumbangan ahli akademik dan juruteknik menerusi Anugerah Saintis Muda Negara (Sains Fizikal) 2022 dan Anugerah Juruteknik Sains Negara 2022.



Antara golongan belia yang terlibat dalam aktiviti Minggu Sains Negara 2022.

Pemenang bagi kedua-dua kategori ini telah membawa pulang wang tunai masing-masing bernilai RM10,000, sijil berserta trofi.

Anugerah Saintis Muda Negara (Sains Fizikal) merupakan pengiktirafan terhadap pencapaian saintis muda dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains dan teknologi (S&T), manakala Anugerah Juruteknik Sains Negara pula memberi pengiktirafan terhadap pencapaian cemerlang oleh juruteknik bidang sains dan teknologi (Juruteknik atau Pembantu Makmal) serta kakitangan separa profesional yang berkaitan dengan S&T.



Dr. Ang Wei Lun berjaya merangkul Anugerah Saintis Muda Negara

Anugerah Saintis Muda Negara (Sains Fizikal) 2022 telah dimenangi oleh pensyarah dan pendidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Ang Wei Lun, dimana kajian beliau adalah berkaitan sistem pengurusan air bersepadu bagi merawat air sisa industri dan kemudiannya dapat digunakan sebagai sumber air alternatif untuk kegunaan rakyat Malaysia secara amnya.

Bagi Anugerah Juruteknik Sains Negara 2022 pula, anugerah ini telah dirangkul oleh Siti Hajar Bilal, seorang juruteknik dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).



Puan Siti Hajar Bilal dianugerahkan Anugerah Juruteknik Sains Negara 2022 pada MSN 2022.

Kajian beliau adalah berkaitan lemak sawit sebagai bahan asas produk kesihatan telah berjaya dibuktikan dengan penghasilan sabun lutsinar berasaskan lemak minyak sawit. Paten bagi sebatian kimia yang digunakan sebagai asas penghasilan sabun lutsinar telah berjaya dikomersialkan oleh empat syarikat tempatan dan telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Pelaksanaan MSN 2022 ini telah melibatkan pelbagai agensi dan jabatan serta rakan strategik yang turut bersama-sama mendukung hasrat memperkaya STI dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda.

Pelaksanaan program sebegini juga diharapkan dapat memupuk serta meningkatkan minat para pelajar dan belia untuk terus memperkasakan STI dalam kehidupan seharian.